

## **Pola pameran emosi individu Introvert dan Ekstrovert dalam Facebook: pendekatan eksperimen awal**

### **ABSTRAK**

Laman sosial *Facebook* telah menjadi sebuah ruang untuk pameran emosi kerana setiap pengguna bebas untuk memilih lokasi, masa dan jenis emosi yang ingin dipamerkan. Kepelbagaian karakter individu dalam laman sosial adalah berkait dengan personaliti kerana setiap personaliti mempunyai gaya yang berbeza untuk berkomunikasi dan bersosial dalam talian. Individu Introvert dan Ekstrovert adalah dua personaliti yang dominan dalam bidang komunikasi namun kedua-duanya mempamerkan karakter yang berlawanan antara satu sama lain. Persoalannya, apakah corak dan tujuan penggunaan *Facebook* oleh setiap personaliti dan adakah mereka menggunakan *Facebook* untuk pameran emosi? Satu eksperimen dalam talian (online experiment) telah dilaksanakan dalam *Facebook* dengan menggunakan 60 personaliti (30 individu Introvert, 30 individu Ekstrovert) yang dipilih menerusi kaedah persampelan mudah. Data kajian dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk deskriptif seperti frekuensi, peratusan dan skor min. Hasil kajian menunjukkan bahawa individu Introvert memperuntukkan masa yang lebih panjang untuk melayari *Facebook*. Seterusnya, individu Introvert dan Ekstrovert menggunakan *Facebook* dengan tujuan untuk mencari informasi dan mereka tidak berminat untuk mengintip aktiviti pengguna lain. Kedua-dua personaliti turut terlibat dalam aktiviti berkumpulan namun apabila ingin mempamerkan emosi, individu Introvert memilih mesej segera manakala individu Ekstrovert pula melalui tulisan dinding. Kesimpulannya, individu Introvert dan Ekstrovert mempunyai cara yang berbeza dalam memilih lokasi dan jenis emosi yang dipamerkan terutamanya dalam komuniti dalam talian. Dapatan kajian ini merupakan sebuah gambaran awal mengenai pameran emosi yang ditonjolkan oleh dua personaliti bipolar dalam interaksi dan sosialisasi. Diharapkan agar kajian akan datang dapat memberikan generalisasi dengan melibatkan khalayak *Facebook* yang lebih luas.

**Kata Kunci:** Introvert; Ekstrovert; Personaliti; Pameran emosi; Facebook

---